



**NOTIS PEMBERITAHUAN
KAWALAN PERGERAKAN DI BAWAH
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) - FASA 2, HAD WAKTU OPERASI AKTIVITI**

KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH TANGKAK

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (DIKEMASKINI)

SILA AMBIL PERHATIAN! Selaras dengan pengumuman Kerajaan berkaitan Pelan Pemulihan Negara (PPN), hampir semua premis perniagaan dibenarkan beroperasi dengan syarat perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)

Pemilik premis dan perniagaan **DIWAJIBKAN MENGGUNAKAN aplikasi MySejahtera** bagi kawasan capaian internet yang luas. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan hanya dibenarkan di kawasan yang tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain)


Pihak Majlis membenarkan semua premis atau pengusaha yang **mempunyai lesen perniagaan dari Majlis Daerah Tangkak yang SAH dan TERKINI sahaja** untuk beroperasi. **SEMUA** aktiviti premis perniagaan atau perusahaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI** sepanjang tempoh PPN diarahkan bagi had waktu operasi seperti berikut:

BIL	JENIS AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN/ ARAHAN
1.	a) Hospital & Klinik b) Makmal Perubatan c) Klinik Pergigian d) Pusat Diagnostik e) Pusat Bersalin f) Pusat Fisioterapi/ Rehabilitasi g) Pusat Dialisis h) Optometri i) Perkhidmatan Perubatan Tradisional & Komplimentari (PT&K) dibawah akta 775	 Seperti Biasa	<ol style="list-style-type: none">1) Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP2) Bagi Perkhidmatan Perubatan Tradisional & Komplimentari (PT&K) tidak dibenarkan:<ul style="list-style-type: none">- Perkhidmatan yang melibatkan kontak fizikal secara langsung dengan pesakit- Perkhidmatan yang merangsang pengeluaran cairan tubuh (contoh: kahak, hingus, darah, lender dan muntah)- Perkhidmatan berunsur kesejahteraan (<i>wellness</i>)
2.	Sektor Perkhidmatan Veterinar a) Klinik Haiwan/ vaterinär b) Kedai Makanan Haiwan c) Kedai Penjagaan Haiwan	 بروتوکول معابر 8.00 pagi - 10.00 malam	Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP

**NOTIS HAD WAKTU OPERASI PERNIAGAAN DALAM TEMPOH PPN - FASA 2
MAJLS DAERAH TANGKAK**

Mdt/ppnf2/30921


BIL	JENIS AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN/ ARAHAN
3.	<p>SEKTOR PASAR PASAR BERBANGUNAN</p> <p>a) Pasar Awam milik MDT b) Pasar Awam Persendirian c) Pasar Tani Kekal</p> <p>Dengan Syarat Kemudahan Kepada Pelanggan Vaksinasi Lengkap</p> <p>d) Pasar Tani e) Pasar Pagi dengan kebenaran MDT f) Pasar Malam dengan kebenaran MDT</p>	<p>a) 6.00 pagi - 2.00 petang b) 6.00 pagi - 2.00 petang c) 6.00 pagi - 4.00 petang</p> <p>d) 7.00 pagi - 11.00 pagi e) 7.00 pagi - 11.00 pagi f) 4.00 petang - 10.00 malam</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP • Dengan pemantauan anggota RELA serta <p>Kemudahan Pada Penerima Vaksinasi Lengkap</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pasar pagi, pasar tani, pasar malam dan pasar minggu dibenarkan beroperasi dengan memastikan pelanggan yang ingin memasuki kawasan pasar pagi, pasar tani, pasar malam dan pasar minggu MESTI menunjukkan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap
4.	<p>a) Stesen Minyak b) <i>Mart / Serbaneka</i> di stesen minyak c) Kedai Serbaneka / <i>Mart</i> d) Kedai Runcit e) <i>Mini Market</i></p>	<p>(a) 6.00 pagi - 12.00 malam (kecuali operasi stesen minyak di lebuhraya bertol yang dibenarkan 24 jam)</p> <p>b), c), d) & e) 6.00 pagi - 12.00 malam</p>	<p>Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP</p> <p>SOP DIPERKETAKAN</p>
5.	<p>SEKTOR PENJAGAAN SOSIAL</p> <p>a) Pusat Jagaan Kanak-kanak b) Pusat Jagaan Warga Emas / OKU / Wanita c) Pusat Jagaan Pelbagai</p>	<p>Seperti Biasa</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat jagaan berkediaman atau pusat rehabilitasi bagi kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, wanita dan pusat jagaan pelbagai dibenarkan beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan di bawah Kementerian, Jabatan atau Agensi berkaitan. • Ibu bapa atau penjaga yang menghantar anak-anak ke pusat jagaan kanak-kanak dibenarkan mengikut kapasiti kenderaan



BIL	JENIS AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN/ ARAHAN
6.	<p>Sukan & Riadah</p> <p>a) Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal yang dilakukan secara individu atau berkumpulan di kawasan TERBUKA (OUTDOOR) atau TERTUTUP (INDOOR) tertutup (<i>indoor</i>) adalah TERHAD bagi individu yang telah MELENGKAPKAN VAKSINASI sahaja bagi melakukan semua aktiviti sukan dan rekreasi.</p> <p>b) Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial TERBUKA (OUTDOOR) dengan pematuhan kepada SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi DENGAN kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi 60% tenaga kerja merangkumi pengurusan dan operasi.</p> <p>c) Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial TERTUTUP (INDOOR) dengan pematuhan kepada 50% kapasiti penggunaan/ kawasan DENGAN kawalan penyeliaan. Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi 60% tenaga kerja merangkumi pengurusan dan operasi.</p> <p>d) Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi TERBUKA (OUTDOOR) dan TERTUTUP (INDOOR) awam adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/ Pihak Berkuasa Berkaitan</p>	 <p>6.00 pagi - 10.00 malam</p>	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi termasuk mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2- 3 meter dan dilakukan di dalam daerah yang sama sahaja. <p>BAGI INDIVIDU BELUM LENGKAP VAKSINASI</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Aktiviti sukan dan rekreasi secara individu boleh dilakukan di kawasan terbuka (termasuk taman terbuka awam dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang kurangnya 2 hingga 3 meter dan dilakukan dalam daerah yang sama. Aktiviti adalah seperti jogging, senaman, berbasikal, <i>skateboarding</i>, <i>inline skating</i> dan seumpamanya). ➤ Aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan tanpa melibatkan pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi. <p>KEMUDAHAN KEPADA PENERIMA VAKSINASI LENGKAP</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Penggunaan premis dan fasiliti sukan dan rekreasi adalah terhad bagi individu yang telah melengkapkan vaksinasi sahaja bagi melakukan semua aktiviti sukan dan rekreasi secara individu yang tidak bersentuhan fizikal bagi tujuan kesihatan kecergasan dan kemahiran kendiri dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang kurangnya 2 hingga 3 meter dan dilakukan dalam daerah yang sama sahaja ➤ Aktiviti yang boleh dilakukan di premis fasiliti adalah seperti renang, ekuestrian, menembak, tenis/ badminton (<i>single</i>), golf, permotoran, memancing dan seumpamanya ➤ Aktiviti <i>dine in</i> di restoran atau kafe di premis seperti club house adalah dibenarkan. Namun operasi bilik mandi adalah tidak dibenarkan ➤ Aktiviti perkelahan dan perkhemahan adalah dibenarkan dalam daerah yang sama. Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat


BIL	JENIS AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN/ ARAHAN
7.	<p>PERNIAGAAN BERPREMIS</p> <p>a) Restoran b) Kedai Makan c) Medan Selera / Pusat Penjaja d) Gerai Makan Berbungung e) Kiosk f) Gerai Makan milik MDT g) Penjaja Menetap (warung/gerai)</p> <p>*Hanya bagi pemilik / pengusaha yang memiliki lesen perniagaan yang sah dari MDT</p> <p>PERNIAGAAN / PENJAJAAN TEPI JALAN</p> <p>a) Penjaja Tepi Jalan (Makanan & Minuman) b) Burger c) Penjaja Beredar / Bergerak d) Kenderaan Saji / Foodtruck e) <i>Food Street / Back Street</i> f) Car Boot Sale g) Luton Van</p> <p>*Aktiviti penjajaan yang mempunyai lesen perniagaan yang sah dari MDT diberi kebenaran terhad di kawasan yang dibenarkan sahaja</p> <p>BAGI INDIVIDU BELUM LENGKAP VAKSINASI</p> <p><i>Dine in</i> dan perkhidmatan <i>park & dine</i> Tidak Dibenarkan</p>	 <p>6.00 pagi – 12.00 malam *Hanya bagi pemilik / pengusaha yang memiliki lesen perniagaan yang sah dari MDT</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pengusaha restoran termasuk di hotel, rumah kelab sukan dan rekreasi, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji, penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan dan kiosk DIBENARKAN menyediakan perkhidmatan <i>dine-in</i> dengan mematuhi syarat berikut: <ul style="list-style-type: none"> Hanya menerima pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala Pemilik premis perniagaan MESTI memaparkan notis penerimaan pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala sahaja di pintu masuk premis. Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja dengan kadar vaksinasi berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) 40% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja. (b) 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja. (c) 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja. Pemilik premis perniagaan perlu memastikan susun atur meja mengikut penjarakan dan premis mempunyai sistem pengudaraan (<i>ventilation</i>) yang baik. Aktiviti <i>dine-in</i> dengan kapasiti 50% setiap meja dan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter tertakluk kepada SOP KPDNHEP PPN Fasa 1 - Perdagangan Pengedaran. Digalakkan jualan secara bawa pulang (<i>take away</i>), penghantaran (<i>delivery</i>) dan pandu lalu (<i>drive-thru</i>). Menggalakkan penggunaan peralatan makan <i>biodegradable</i> pakai buang Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk <i>dine-in</i> di premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum.


BIL	JENIS AKTIVITI DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN / ARAHAN
8.	<p>SEKTOR PERDAGANGAN & PENGEDARAN <u>Tanpa Syarat Vaksin</u></p> <p>1) Kompleks membeli-belah ditutup kecuali pasar raya / pasar raya besar dan <i>departmental store</i> termasuk semua perkhidmatan perlu yang disenaraikan bagi dibenarkan 2) Pasaraya / Pasaraya Besar 3) <i>Departmental Store</i> 4) Kedai Cermin Mata dan Barang Optik 5) Kedai Penghantaran Pos & Kurier 6) Kedai Farmasi / Penjagaan Diri 7) Kedai Ubat-ubatan Tradisional 8) Dobi dan Dobi Layan Diri - Syarat dobi layan diri perlu ada pekerja sentiasa dipremis bagi pematuhan SOP yang ditetapkan 9) Kedai Barang Bayi 10) Kedai Kek & Kelengkapan Membuat Kek 11) Kedai Makanan Sejuk Beku 12) Kedai Produk Kesihatan 13) Kedai Barang Keagamaan 14) Kedai <i>Hardware</i> 15) Kedai Penjagaan Haiwan , Makanan Haiwan, Ubatan & keperluan berkaitan 16) Kedai Baja, Racun & Peralatan Pertanian 17) Kedai Membaiki Mesin, Jentera dan Alat Ganti 18) Kedai Buah-Buahan / Gerai Buah-Buahan 19) Perkhidmatan Internet / Kedai Komputer / Servis / Aksesori 20) Kedai Telekomunikasi (Menjual telefon / membaiki telefon / menjual tambah nilai / aksesori) 21) Kedai Buku & Alat tulis (termasuk perkhidmatan percetakan, fotostat, penjilidan, <i>binding</i> & <i>laminate</i> adalah dibenarkan 22) Kedai Menjual Bunga bagi tujuan keagamaan 23) Kedai Gas 24) Kedai Menjual & Membaiki Basikal</p>	 <p>8.00 pagi - 10.00 malam *Hanya bagi pemilik / pengusaha yang memiliki lesen perniagaan yang sah dari MDT</p>	<p><u>Tanpa Syarat Vaksin</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan buka untuk semua sektor perniagaan yang berada di dalam <i>Mall</i> Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP

BIL	JENIS AKTIVITI DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN/ ARAHAN
25)	Kedai Menjual dan Membaiki Jam		
26)	Kedai / Perkhidmatan Percetakan / Fotokopi / Logo /Stiker / Cap Getah (Rubber Stamp)		
27)	Kedai Menjahit		
28)	Kedai Akuarium & Peralatan Memancing		
29)	Kedai Kain / Tekstile		
30)	Bengkel Kenderaan , Penyelenggaraan dan Alat Ganti		
31)	Perkhidmatan Tunda (<i>Towing</i>)		
32)	Bengkel Kimpalan / Kejuruteraan		
33)	Pejabat Kontraktor (Pelbagai Perkhidmatan)		
34)	Kedai Mengecat Kenderaan		
35)	Kedai Menjahit Kasut / Kedai Kasut & Beg / Kedai Kasut Terpakai		
36)	Kedai / Bengkel Besi & Mengecat		
	Dengan Syarat Vaksin		
	Kemudahan Kepada Penerima Vaksinasi Lengkap		
8.	37) Kedai Cuci Kenderaan Dan Cucian Automatik 38) Kedai Elektrik Dan Elektronik 39) Kedai Barang Rumah Dan Peralatan Dapur 40) Kedai Perabot 41) Kedai Peralatan Sukan 42) Kedai Aksesori Kenderaan 43) Pusat Pengedaran Dan Jualan Kenderaan 44) Kedai Pakaian, Fesyen Dan Aksesori (Kasut / Beg / Stoking Dll) 45) Kedai Barang Kemas 46) Kedai Gunting Rambut Dan Pusat/ Salun Kecantikan 47) Kedai Bunga/ Nursery 48) Kedai Peralatan <i>Outdoor</i> (termasuk peralatan perkhemahan, memancing, dan lain-lain) 49) Galeri Perumahan (<i>Show Room</i>) 50) Kolam Memancing	8.00 pagi - 10.00 malam <i>*Hanya bagi pemilik / pengusaha yang memiliki lesen perniagaan yang sah dari MDT</i> SOP DIPERKETAKTAKAN	<p>Tanpa Syarat Vaksin</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan buka untuk semua sektor perniagaan yang berada di dalam <i>Mall</i> • Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP <p>Dengan Syarat Vaksin</p> <p>Kemudahan Kepada Penerima Vaksinasi Lengkap</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan yang mendapat kemudahan ini mestilah telah menerima vaksinasi lengkap. • Pemilik premis perlu memastikan pelanggan yang ingin memasuki premis MESTI menunjukkan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap. • Bagi ibu bapa/ penjaga yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah ke premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum. • Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja

BIL	JENIS AKTIVITI DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN / ARAHAN
8.	51) Kedai barang fotografi / perkhidmatan fotografi 52) Kedai barang terpakai 53) Kedai kraftangan dan cenderahati 54) Kedai antik 55) Kedai alat permainan 56) Kedai permaidani 57) Kedai kandungan kreatif / peralatan industry kreatif 58) Kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi 59) Kedai tembakau (tidak termasuk vape / rokok elektronik) 60) Pejabat persatuan/ kelab komuniti 61) Kedai pengiklanan/ membuat iklan 62) Perkhidmatan tabib (akupuntur) 63) Pejabat urusan/ kontraktor hiasan dalaman 64) Kedai Menjual Keranda / Batu Nisan 65) Kedai Peralatan Muzik 66) Pusat Peranginan 67) Syarikat Pengendali Pelancongan 68) <i>Wellness</i> dan salun kecantikan 69) Perkhidmatan <i>pedicure and manicure</i> 70) Butik Andaman/ pengantin	 8.00 pagi – 10.00 malam <i>*Hanya bagi pemilik / pengusaha yang memiliki lesen perniagaan yang sah dari MDT</i> SOP DIPERKETATKAN	<u>Dengan Syarat Vaksin</u> <u>Kemudahan Kepada Penerima Vaksinasi Lengkap</u> <ul style="list-style-type: none"> Pelanggan yang mendapat kemudahan ini mestilah telah menerima vaksinasi lengkap. Pemilik premis perlu memastikan pelanggan yang ingin memasuki premis MESTI menunjukkan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap. Bagi ibu bapa/ penjaga yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah ke premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum. Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja
9.	Sektor Pertanian, Perikanan, Perladangan dan komoditi a) Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaiannya (contoh: kedai menjual baja dan racun/ kilang memproses buah sawit, Kedai Getah) b) Perladangan dan komoditi serta rantaiannya (kelapa sawit, getah, lada dan koko) c) Aktiviti memancing	 8.00 pagi - 10.00 malam	i) Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP ii) Aktiviti memancing bagi tujuan sara hidup dan riadah adalah dibenarkan

BIL	JENIS AKTIVITI DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN / ARAHAN
10.	Sektor Perkhidmatan Kewangan dan Rantaiannya <ul style="list-style-type: none"> a) Institusi Kewangan (Perbankan, kemudahan mesin ATM/ CDM, Insurans, Takaful dan entiti-entiti lain yang dilesen, diilulus atau didaftar oleh Bank Negara Malaysia) b) Entiti-entiti pasaran modal yang dilesen, didaftar atau Di kawalselia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. c) Pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang d) Ejen perbankan, ejen dan agensi insurans/ takaful e) Agensi kaunseling & pengurusan kredit (AKPK) f) Kredit komuniti (pajak gadai dan Ar-Rahnu) g) Kedai Pengurup Wang / Pinjaman Wang Berlesen / Kiriman Wang (IME / Western Union dll) h) Agensi Nombor Ramalan (NFO) 	 Seperti Biasa	<ul style="list-style-type: none"> i) Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP <p>Waktu operasi berhadapan pelanggan dan orang ramai termasuk SSTs adalah dari 6.00 pagi hingga 10.00 malam</p>
11.	Lain-lain Sektor Perkhidmatan, <ul style="list-style-type: none"> a) Air. b) Tenaga c) Keselamatan (<i>security and safety</i>), pertahanan, kecemasan, kebijakan dan bantuan kemanusiaan. d) Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan pembetungan. e) Komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran (bagi tujuan penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya sahaja) f) Perundangan dan kehakiman. g) Guaman dan pesuruhjaya sumpah. h) Perkhidmatan perakaunan. i) Perkhidmatan profesional dan juru perunding (tertakluk kepada pihak berkuasa kawal selia Badan Profesional berkenaan). 	 SEPERTI BIASA	Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP

BIL	JENIS AKTIVITI DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN / ARAHAN
12.	AKTIVITI KEAGAMAAN <ul style="list-style-type: none"> a) Aktiviti solat di Masjid dan Surau bagi individu yang telah divaksin lengkap b) Aktiviti sembahyang di Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) bagi individu yang telah divaksin lengkap c) Pengurusan Jenazah Orang Islam d) Pengurusan Jenazah Orang Bukan Islam e) Aktiviti Ziarah Kubur f) Pendaftaran perkahwinan bagi selain orang Islam di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Rumah Ibadat dan Persatuan Agama dengan kehadiran mengikut ketetapan pihak JPN 	 SEPERTI BIASA	<p>a), c) & e) Mengikut Ketetapan SOP pihak Berkuasa Agama Negeri</p> <p>b), d) & e) mengikut ketetapan SOP Kementerian Perpaduan Negara (KPN)</p> <p>*Pihak MDT TIDAK AKAN mengeluarkan Permit Tutup Jalan dan kebenaran pemasangan khemah di dalam kawasan taman-taman perumahan dan kawasan seliaan MDT bagi aktiviti sosial dan urusan kematian sepanjang tempoh PPN dilaksanakan</p>
13.	Pengangkutan <ul style="list-style-type: none"> a) Pengangkutan melalui darat, air dan udara b) Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang termasuk pemunggahan dan pemindahan kargo, pemaliman, penyimpanan atau pemukalan komoditi c) Kenderaan membawa pekerja seperti bas pekerja dan van pekerja d) Logistik terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu <p>*Terhad kepada 50% kapasiti kenderaan sahaja</p>	 SEPERTI BIASA	Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP


BIL	JENIS AKTIVITI DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN / ARAHAN
14.	<p>Sektor Pembinaan</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan dan pemberian kritikal b) Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam c) Kerja-kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) yang diluluskan d) Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor G1, G2, G3 dan G4 e) Kerja-kerja pembinaan projek Kerajaan f) Kerja-kerja penyiasatan tanah g) Pejabat Urusan / Jualan Agensi Hartanah / Pemaju Perumahan h) Kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman perseorangan (perlu mendapatkan kebenaran PBT) i) Perkhidmatan dalam rantaian bekalan yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi. (Kedai jubin, kedai kaca, menjual & membuat kunci, kedai cermin/tingkap/ pintu, aluminium, plastik, keluli, besi, alat-alat keselamatan, kedai menjual alat penapis) 	 SEPERTI BIASA	<p>i. Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP.</p> <p>ii. Pemilik syarikat dalam sector pengilangan dan pembuatan dalam perkhidmatan perlu mendaftarkan syarikat serta mendapatkan kebenaran beroperasi terkini dengan MITI (https://notification.miti.gov.my)</p> <p>Kemudahan Tambahan Pada Penerima Vaksin Lengkap</p> <p>iii. Bagi aktiviti yang tidak disenaraikan dalam Senarai Perkhidmatan Perlu Sektor Pembuatan dan Pembinaan yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja dibenarkan beroperasi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. 40% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja. b. 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja. c. 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja. <p>iv. Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan.</p>

BIL	JENIS AKTIVITI DIBENARKAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN / ARAHAN
15.	<p>Sektor Pengilangan dan Pembuatan</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Aeroangkasa (komponen dan <i>maintenance, repair and overhaul</i> - MRO) b) Makanan dan Minuman c) Bahan Pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan bahan makanan dan kesihatan d) Barang-barang jagaan diri dan bahan pencuci e) Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan f) Peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran g) Komponen bagi peranti perubatan h) Elektrik dan elektronik (kepentingan rantai ekonomi global) i) Minyak dan Gas <i>Oil and Gas</i> termasuk petrokimia dan produk petrokimia j) Mesin dan peralatan hanya berkaitan kesihatan dan makanan sahaja k) Tekstil yang melibatkan pengeluaran PPE l) Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir 	 SEPERTI BIASA	<p>i. Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP.</p> <p>ii. Pemilik syarikat dalam sector pengilangan dan pembuatan dalam perkhidmatan perlu mendaftarkan syarikat serta mendapatkan kebenaran beroperasi terkini dengan MITI (https://notification.miti.gov.my)</p> <p>Kemudahan Tambahan Pada Penerima Vaksin Lengkap</p> <p>iii. Bagi aktiviti yang tidak disenaraikan dalam Senarai Perkhidmatan Perlu Sektor Pembuatan dan Pembinaan yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja dibenarkan beroperasi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. 40% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja. b. 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja. c. 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja. <p>iv. Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan.</p>

BIL	JENIS AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN/ ARAHAN
16.	Sektor Telekomunikasi Digital, Perkhidmatan Perniagaan Global dan E-Dagang <ul style="list-style-type: none"> a) Infrastuktur telekomunikasi dan digital termasuk perkhidmatan ICT dan perkhidmatan perniagaan global (GBS) b) E-Dagang dan rantaiannya termasuk perkhidmatan e-marketplace, pembayaran digital dan pusat internet e-dagang setempat 	SEPERTI BIASA	 <p>Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP</p>
17.	Sektor Perhotelan <ul style="list-style-type: none"> a) Hotel b) Premis Penginapan c) <i>Homestay</i> d) <i>Farms Stay</i> 	SEPERTI BIASA	 <ul style="list-style-type: none"> i) Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP ii) Tidak dibenarkan beroperasi: <ul style="list-style-type: none"> a) Surau, <i>gymnasium</i>, <i>lounge</i>, dewan, bilik mesyuarat, seminar, bar, pub, SPA, jakuzzi dan sauna
18.	Sektor Pemajuan Perumahan <ul style="list-style-type: none"> a) Pejabat pengurusan pemaju perumahan b) Urusan serahan notis milikan kosong (<i>vacant possession</i>) dan kunci rumah c) Kerja-kerja baik pulih kerosakan kritikal dalam tempoh liability kecacatan (<i>defect liability period</i>) d) Kerja-kerja pembinaan untuk Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah SPNB bagi kontraktor G1 hingga G4 	SEPERTI BIASA	 <ul style="list-style-type: none"> i) Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP termasuk SOP bagi: <ul style="list-style-type: none"> a) SOP Sektor Pemajuan Perumahan b) SOP Pembinaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR)
19.	Perkhidmatan Perhutanan <ul style="list-style-type: none"> a) Penguatkuasaan Dan Hidupan Liar 	SEPERTI BIASA	 <p>Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP</p>

BIL	JENIS AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN/ ARAHAN
	Seminar, Bengkel, Kursus, Latihan dan Ceramah <ul style="list-style-type: none"> a) Seminar, bengkel Seminar, bengkel kursus, latihan dan ceramah yang dilaksanakan secara dalam talian (<i>online</i>) adalah dibenarkan b) Temuduga kritikal yang perlu dilaksanakan adalah dibenarkan secara bersemuka dan dalam talian. 	SEPERTI BIASA	Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP
20.	Latihan Pemanduan <ul style="list-style-type: none"> a) Institut Latihan Memandu 	SEPERTI BIASA	<ul style="list-style-type: none"> i. Pekerja, tenaga pengajar dan calon telah lengkap menerima vaksin dengan mengemukakan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 dan kad pengenalan sebagai pembuktian. ii. Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja dengan kadar vaksinasi berikut: <ul style="list-style-type: none"> • 40% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% pekerja. • 60% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja. • 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja.
	Mesyuarat <ul style="list-style-type: none"> c) Mesyuarat secara bersemuka DIBENARKAN hanya kepada individu yang telah lengkap vaksin dengan 50% kapasiti bilik mesyuarat d) Mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video 	SEPERTI BIASA	Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP
21.	Taska, Tabika dan Tadika Taska, tadika di sekolah swasta, antarabangsa dan ekspatriat serta pusat perkembangan minda	SEPERTI BIASA	<ul style="list-style-type: none"> i. Hanya untuk anak-anak di mana kedua-dua ibu bapa dan penjaga yang bekerja ii. Operator dan pekerja di pusat-pusat ini perlu menerima vaksinasi lengkap sebelum dibenarkan beroperasi

BIL	JENIS AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN/ ARAHAN
22.	<p>a) SPA b) Pusat Kesihatan (<i>Wellness</i>) c) Urut Kesihatan</p>	<p>8.00 pagi – 10.00 malam</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Operasi perniagaan spa, pusat kesihatan (wellness) dan urut kesihatan dibenarkan kepada pengunjung dan operator yang telah lengkap divaksin. • Pekerja dan pelanggan mestilah mempunyai vaksin lengkap, bukan kes positif COVID-19, bukan kontak rapat kepada kes positif dan tidak bergejala. • Hanya membenarkan pelanggan yang ada janji temu sahaja. Walk-in tidak dibenarkan. • Memakai sarung tangan (jenis pakai buang), pelitup muka, dan face shield semasa menjalankan aktiviti. • Menggantikan (termasuk sarung tangan, alas katil atau tilam atau kerusi) dan menyuci hama peralatan termasuk face shield) bagi setiap pelanggan. • Memastikan sistem pengudaraan diselenggara mengikut jadual. • Pemantauan oleh MOTAC juga akan dilakukan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> ➢ Pengusaha SPA perlu mengisyiharkan jumlah pekerja telah lengkap vaksin dan diserahkan pada MOTAC sebelum dibenarkan beroperasi. ➢ Program Kendiri Pematuhan SOP terutamanya ventilasi dalam premis. ➢ Pemeriksaan pemantauan secara spot check dan berkala dilakukan oleh MOTAC. ➢ Saringan ujian pengesahan COVID-19 ke atas pekerja yang bergejala.

BIL	JENIS AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN/ ARAHAN
23.	Aktiviti Pelancongan <ul style="list-style-type: none"> a) Pusat Pelancongan b) Hotel / <i>Homestay / Farms Stay</i> c) Muzium d) Galeri e) Arkib f) Pusat Kraftangan g) Memorial h) Perpustakaan i) Kompleks kebudayaan j) Kampung Seni Warisan Budaya k) Zoo l) Perladangan m) Akuarium n) Snorkelling / scuba o) Taman Rimba p) Panggung Wayang q) Busking 	 <p>8.00 pagi – 10.00 malam</p>	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Tetamu yang telah lengkap divaksinasi dibenarkan untuk melakukan aktiviti pelancongan dalam negeri yang sama dengan mengemukakan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 ketika mendaftar masuk. ➤ Pengusaha hotel dan homestay perlu memastikan individu yang ingin memasuki premis MESTI menunjukkan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi COVID-19 yang membuktikan individu tersebut telah divaksin lengkap. ➤ Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak 18 tahun ke bawah untuk aktiviti pelancongan di hotel dan homestay dengan mematuhi protokol kesihatan umum. ➤ Kunjungan secara janji temu bagi pengunjung yang telah lengkap divaksin ke premis dan fasiliti awam kebudayaan seperti muzium, galeri, arkib, pusat kraftangan, memorial, perpustakaan dan kompleks kebudayaan, pusat/ Kampung Seni Warisan Budaya pentas persembahan budaya dibenarkan dengan kapasiti 50% di ruang premis. ➤ Pusat/ premis/ produk pelancongan seperti zoo, perladangan, akuarium, snorkeling, selam skuba pelancongan memancing dan taman rimba dibenarkan beroperasi dengan syarat semua pengusaha/ operator dan pelawat/ pengunjung lengkap divaksin.

BIL	JENIS AKTIVITI	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	CATATAN/ ARAHAN
24.	Sektor Perlombongan dan Pengkuarian <ul style="list-style-type: none"> a) Pembekalan mineral, bahan batuan serta pergerakannya dari lombong atau kuari ke premis atau tapak projek pembinaan infrastruktur awam yang utama dan kerja-kerja pembinaan bangunan b) Pembekalan simen serta pergerakannya ke premis atau tapak projek pembinaan insfrastruktur awam yang utama dan kerja- kerja pembinaan bangunan c) Kerja-kerja penyelenggaraan lombong dan kuari d) Pengoperasian lombong dan kuari 	 SEPERTI BIASA	<ul style="list-style-type: none"> i) Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP ii) Pemilik syarikat dalam sektor perlombongan dan pengkuarian perlu mendaftarkan syarikat serta mendapat kebenaran beroperasi terkini dengan MITI (https://notification.miti.gov.my) iii) Bagi sektor perlombongan dan pengkuarian yang mencapai kadar vaksinasi lengkap bagi pekerja dibenarkan beroperasi seperti berikut: iv) Kurang 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% pekerja v) 80% : Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100% pekerja vi) Ujian RTK Antigen ke atas pekerja dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung majikan
25.	Lain-lain <ul style="list-style-type: none"> a) Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan 	 SEPERTI BIASA	<p>Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP</p>

MANA-MANA AKTIVITI YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM SOP INI ADALAH TIDAK DIBENARKAN

SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (NEGATIVE LIST)

BIL	JENIS AKTIVITI	CATATAN/ ARAHAN
26.	Ekonomi & Hiburan <ul style="list-style-type: none"> 1) Aktiviti di kelab malam atau pub. 2) Operasi kafe siber dan pusat siber 3) Kasino 4) Kedai Snooker 5) Kedai Vape / rokok elektronik 	TIDAK DIBENARKAN
27.	Sukan & Rekreasi <ul style="list-style-type: none"> a) Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan MELEBIHI kapasiti yang ditetapkan. b) Aktiviti dan pengoperasian fasiliti sukan dan rekreasi yang dilakukan MELEBIHI tempoh masa yang ditetapkan KECUALI bagi anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) dan mana-mana DENGAN kebenaran KHAS KBS sahaja. c) Penganjuran semua kejohanan atau pertandingan KECUALI anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Liga Bola Sepak Malaysia (<i>Malaysian Football League – MFL</i>), Kejuaraan Petronas Cub Prix dan mana-mana DENGAN kebenaran KHAS KBS sahaja. d) Kehadiran penonton atau penyokong ke <i>venue</i> sukan dan rekreasi. e) Penyertaan atlet / jurulatih / pegawai / teknikal Malaysia ke kejohanan atau pertandingan atau perlawanan di luar negara TANPA kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan sokongan KBS / MSN f) Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan di luar atau merentas kawasan arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa KECUALI mendapat kebenaran PDRM. 	TIDAK DIBENARKAN

SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (NEGATIVE LIST)

BIL	JENIS AKTIVITI	CATATAN/ ARAHAN
28.	Aktiviti Sosial <ul style="list-style-type: none"> Majlis sosial seperti kenduri-kendara, majlis sambutan perayaan, majlis meraikan pernikahan atau pertunangan, majlis perkahwinan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, <i>reunion</i>, <i>retreat</i> dan lain-lain majlis sosial. Aktiviti berkaitan dengan <i>Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions</i> (MICE) secara bersemuka. 	TIDAK DIBENARKAN
29.	Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan <ul style="list-style-type: none"> Taman Tema, Pusat Hiburan Keluarga, <i>indoor playground</i> dan karaoke termasuk karaoke keluarga. Aktiviti pelancongan merentas negeri. Aktiviti pelancongan rentas daerah bagi individu yang belum lengkap divaksinasi Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia. 	TIDAK DIBENARKAN
30.	Lain-lain Yang Tidak Dibenarkan <ul style="list-style-type: none"> Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan. Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. 	TIDAK DIBENARKAN

Peringatan Tentang Pelaksanaan Langkah-langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit: Kebenaran Operasi dan Pergerakan bagi Perkhidmatan Awam dan Swasta

- 1) Semua sektor ekonomi dan perniagaan yang diluluskan dan dibenarkan oleh Kementerian atau Agensi yang berkaitan boleh beroperasi dalam tempoh PPN. Pergerakan pekerja adalah tertakluk kepada pendaftaran atau surat kelulusan beroperasi atau pas pekerja atau surat pengesahan majikan.
- 2) Syarikat-syarikat dan pemilik yang terlibat dengan perkhidmatan perlu (*essential service*) perlu berdaftar dengan pangkalan data MITI iaitu *COVID-19 Intelligent Management System* (CIMS) melalui pautan <https://notification.miti.gov.my> serta memaparkan surat kebenaran yang diperolehi.

Sektor perkhidmatan awam:

- a) Hanya dibenarkan bagi perkhidmatan *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan manakala selainnya adalah 40% Bekerja Dari Rumah (BDR) berdasarkan Pekeliling atau Arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- b) Hanya untuk perkhidmatan perlu dengan kehadiran tidak melebihi 60% pada satu-satu masa
- c) Kaunter Perkhidmatan Kerajaan dibenarkan beroperasi secara fizikal tertakluk kepada arahan semasa Ketua Setiausaha Negara
- d)

Sektor perkhidmatan swasta:

- a) Dibenarkan beroperasi dengan keberadaan 60% untuk perkhidmatan perlu termasuk operasi dan pengurusan
- b) Semua sektor perkhidmatan perlu yang diluluskan oleh Kementerian atau Agensi yang berkaitan boleh beroperasi dalam tempoh PPN tertakluk kepada surat kelulusan Kementerian yang berkaitan yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2021 Pergerakan pekerja adalah tertakluk kepada pendaftaran atau surat kelulusan beroperasi atau pas pekerja atau surat pengesahan majikan

Vaksinasi Lengkap

Individu yang telah lengkap divaksin adalah individu yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- 1) Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (Pfizer, AstraZeneca, dan Sinovac) individu berkenaan mestilah telah melepas hari ke 14 dari tarikh suntikan dos kedua, atau;
- 2) Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (Johnson & Johnson dan CanSino) individu berkenaan mestilah telah melepas hari ke 28 dari tarikh suntikan

Protokol Kesihatan Umum

- 1) Pemegang lesen dan pemilik premis **DIWAJIBKAN** menyediakan kemudahan kod QR MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan.
- 2) Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal sekurang kurangnya 1 meter.
- 3) *Hand sanitizer* disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum masuk.
- 4) Pemegang lesen dan pemilik premis memastikan pelanggan *check in* premis menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan nombor telefon sekiranya tiada liputan internet.
- 5) Pelanggan dan pengunjung **DIWAJIBKAN** *check in* MySejahtera atau menulis secara manual nama dan nombor telefon yang boleh dibaca sebelum memasuki premis.
- 6) Bagi kompleks membeli belah, pasar raya atau *departmental store*, pelanggan hanya perlu menjalankan imbasan suhu badan sekali sahaja di pintu masuk kompleks dan bukan di setiap premis perniagaan bawah satu kompleks.
- 7) Suhu badan melebihi 37.5 °C adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki kompleks dan premis.
- 8) Pihak pemilik kompleks dan premis di luar kompleks perlu **memastikan hanya pelanggan dengan status Low Risk** termasuk '*Casual Contact, Low Risk*' dalam MySejahtera sahaja yang dibenarkan masuk ke kompleks atau premis masing-masing.
- 9) Kanak-kanak berumur 17 tahun dan kebawah **TIDAK DIGALAKKAN** untuk berada di tempat dan kemudahan awam kecuali bagi tujuan kecemasan, rawatan dan pendidikan.
- 10) Pemegang lesen dan pemilik premis menghadkan bilangan pelanggan berada di dalam premis dengan penjarakan fizikal 1 meter radius dalam sesuatu masa. Penggunaan system nombor giliran digalakkan bagi pelanggan masuk dari sesuatu premis
- 11) Semua pemilik/pengusaha premis diminta mengikuti **Langkah-langkah Kerja Pembersihan (Disinfeksi)** menggunakan cecair pencuci dengan kandungan *sodium hypochlorite* yang selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada mana-mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang diguna sama oleh orang ramai terutamanya troli, bakul barang, tombol pintu, kaunter bayaran, eskalator, *nozzle pump*, dan sebagainya secara kerap atau sebaik-baiknya pada setiap kali digunakan.

NOTIS HAD WAKTU OPERASI PERNIAGAAN DALAM TEMPOH PPN - FASA 2
MAJLS DAERAH TANGKAK

-
- 12) Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 2 atau 3 kali sehari dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan umum atau guna sama seperti *production floor*, lobi, lif, surau, tandas, stor, pejabat, kaunter, kafeteria/kantin, bilik mesyuarat, dewan serbaguna dan lain-lain.
- 13) Mewajibkan/menggalakan pemakaian topeng muka (*face mask*) kepada semua pekerja yang sedang bertugas mengikut jenis perkhidmatan.
- 14) Memastikan **ventilasi dan sistem pengudaraan** yang baik di premis berdasarkan garis panduan pengudaraan dan kualiti udara dalaman yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).
- 15) Diwajibkan memakai pelitup muka terutama apabila berada di tempat awam yang sesak kecuali bagi aktiviti dan tempat seperti berikut:
- Bilik hotel atau penginapan berbayar bersendirian dan melibatkan ahli isi rumah
 - Ruang kerja bersendirian
 - Aktiviti sukan dan rekreasi
 - Kenderaan sendiri dan melibatkan ahli isi rumah
 - Kawasan dan tempat awam indoor atau outdoor tanpa ada individu lain
 - Sewaktu makan dan minum di tempat awam tanpa ada individu lain selain di restoran atau premis makanan
- 16) Menggalakkan sistem temujanji secara atas talian/*online* terhadap pelanggan yang ingin berurusan di premis dan juga sistem pesanan serta penghantaran secara atas talian bagi mengelakkan kesesakan atau orang ramai berkumpul dalam satu lokasi yang sama dalam tempoh yang panjang.
- 17) Menggalakkan penggunaan peralatan makan jenis pakai buang biodegrasi (*biodegradable*).
- 18) Menggalakkan kaedah pembayaran tanpa wang tunai atau *cashless* (*e-wallet*, kad kredit dan lain-lain) bagi premis yang mempunyai kemudahan ini terutamanya pasaraya mini, kedai runcit dan kedai serbaneka.
- 19) Pemilik premis, aktiviti atau program yang disenaraikan dalam senarai *Hotspot Identification for Dynamic Engagement (HIDE)* hendaklah mengambil tindakan intervensi iaitu melaksanakan sanitasi premis, meningkatkan kawalan dan pemantauan pematuhan pelanggan dan melaksanakan penutupan premis jika diarahakan oleh Pegawai Kesihatan Daerah selepas penilaian risiko dijalankan.
- 20) Melaksanakan **lain-lain arahan dan prosedur operasi standard bagi setiap sektor** yang dibenarkan dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) berdasarkan panduan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dari semasa ke semasa.
- 21) Melaksanakan langkah-langkah pencegahan penularan wabak penyakit lain yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh Kementerian

Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.

Pengusaha premis perniagaan diminta mematuhi arahan ini **BERMULA 24 September 2021 (12.01 pagi)** selaras dengan peruntukan kepada kuasa Majlis Daerah Tangkak di bawah Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari masa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.



NOTIS HAD WAKTU OPERASI PERNIAGAAN DALAM TEMPOH PPN - FASA 2
MAJLS DAERAH TANGKAK

Mdt/ppnf2/30921